

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW  
[WANGSA MAJU]**

**TARIKH : 15 JULAI 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW [ WANGSA MAJU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan impak kewangan kepada Malaysia melalui rantai bekalan global, aktiviti pelaburan dan saluran kewangan terutamanya dalam bidang perdagangan luar memandangkan prestasi ekonomi bagi kebanyakan rakan dagang kita telah terjejas akibat COVID-19.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (MCO) telah memberi kesan kepada aktiviti ekonomi di seluruh dunia, baik dari segi perdagangan mahupun pelaburan. Berdasarkan unjuran Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), pertumbuhan ekonomi dunia dijangka menguncup 4.9% dan perdagangan global dianggar merosot 3.5% pada tahun 2020 akibat pandemik ini. Dalam kalangan rakan dagang utama Malaysia pula, IMF mengunjurkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi Amerika Syarikat dan Singapura menguncup, masing-masing sebanyak 8% dan 3.5% pada 2020. Sementara itu, IMF menjangkakan KDNK China berkembang hanya 1% pada tahun ini.

2. Sejalan dengan prestasi ekonomi dan perdagangan global serta rakan dagangan utama yang semakin perlahan, jumlah perdagangan Malaysia mencatatkan pengurangan sebanyak 8.7% kepada RM688.6 bilion bagi tempoh Januari hingga Mei 2020 berbanding tempoh yang sama pada 2019. Eksport telah mencatatkan penurunan sebanyak 9.7% kepada RM366.2 bilion dan import pula susut 7.5% kepada RM322.4 bilion. Sementara itu, lebih dagangan mencatat RM43.8 bilion, menurun sebanyak 23% berbanding tempoh yang sama pada 2019. Perdagangan yang lebih rendah direkodkan dengan Singapura, Amerika Syarikat, Hong Kong, Jepun dan Negara Thai.

3. Dari segi sektor ekonomi, bagi tempoh lima bulan pertama 2020, eksport barangan pembuatan yang merangkumi 85% daripada jumlah eksport negara, menguncup 8.5% kepada RM311.4 bilion berbanding tempoh yang sama tahun lepas berikutan terutamanya penurunan eksport barangan elektrik dan elektronik. Prestasi eksport komoditi negara juga perlahan berbanding 2019, iaitu eksport gas asli cecair menurun 16.6% kepada RM15.6 bilion dan eksport keluaran pertanian iaitu minyak sawit turut berkurang 1% kepada RM17.9 bilion.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Pada suku pertama 2020, Pelaburan Langsung Asing (FDI) mencatatkan aliran masuk bersih sebanyak RM6.4 bilion berbanding RM19.4 bilion pada suku pertama 2019. Pelaburan direkodkan terutamanya dalam sektor perkilangan, kewangan dan insuran/takaful, perlombongan dan kuari, kesihatan manusia dan kerja sosial serta bekalan elektrik, gas, stim dan penghawa dingin. Kebanyakan pelaburan ini diterima terutamanya dari Amerika Syarikat, Singapura, Ireland, Jepun dan Virgin Islands (Britain).

5. Sehubungan itu, bagi mengimbangi kesan pandemik COVID-19 terhadap ekonomi negara, Kerajaan telah mengumumkan pakej rangsangan ekonomi, termasuk Pakej PRIHATIN dan PRIHATIN PKS

Tambahan berjumlah RM260 bilion di antara Februari hingga Mei 2020 bagi menangani krisis ekonomi semasa. Sementara itu, pada Jun 2020, Kerajaan telah memperkenalkan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) bernilai RM35 bilion yang bermatlamat untuk (i) memperkasakan rakyat; (ii) melonjakkan perniagaan; dan (iii) merangsang ekonomi.

6. Melalui pakej PRIHATIN dan PENJANA, inisiatif ini dijangka dapat memulih dan merangsang kembali ekonomi yang terjejas akibat wabak COVID-19 mulai tempoh separuh kedua 2020. Pada tahun 2021, pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka kembali pulih dan berkembang sejajar dengan unjuran pertumbuhan global yang lebih baik.

7. Memandangkan ekonomi negara merupakan ekonomi yang sangat terbuka, prestasi perdagangan dan pelaburan negara secara keseluruhannya turut didorong oleh prospek dan aktiviti ekonomi global. Oleh yang demikian, Kerajaan akan terus menumpukan usaha untuk memulihkan daya tahan ekonomi dengan mempelbagaikan sumber ekonomi serta memperkukuh daya saing dan kedudukan fiskal negara.

Sekian, terima kasih.